

17 SEP 1999

MUSTAPA-KEWANGAN

M'SIA DIPILIH SEBAGAI JURUCAKAP UTAMA KERANGKA SISTEM KEWANGAN

JELI, 17 Sept (Bernama) -- Malaysia dipilih sebagai jurucakap utama di kalangan negara-negara Komanwel berhubung pembentukan kerangka baru sistem kewangan antarabangsa, pada Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Komanwel dan Mesyuarat Tahunan Bank Dunia/Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang akan diadakan pada hujung bulan ini, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamad.

"Saya akan berucap atas isu ini dan kita dipilih untuk menjelaskan kedudukan Malaysia pada Bank Dunia," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Komanwel akan berlangsung di Kepulauan Cayman pada 19 hingga 21 September, manakala Mesyuarat Tahunan Bank Dunia pada 24 hingga 30 September ini.

Mustapa berkata, pada mesyuarat itu, Malaysia akan terus menekankan apa yang sering diperkatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung sistem kewangan, iaitu harus ada kawalan terhadap aliran modal.

Beliau akan memaklumkan kepada masyarakat antarabangsa mengenai proses pemulihan ekonomi negara dan keberkesanan langkah-langkah yang diambil kerajaan termasuk langkah kawalan modal secara berpilih.

Ditanya mengenai kenyataan Ketua Pakar Ekonomi Bank Dunia, Joseph Stiglitz yang menyifatkan pemulihan cepat Malaysia daripada kemelesetan sebagai mengkagumkan dan memuji kerajaan, Mustapa berkata kenyataan itu merupakan pengesahan terhadap sokongan pakar itu sebelum ini bahawa langkah yang diambil Malaysia membawa kebaikan dan pemulihan.

Beliau berkata apa yang penting bagi kerajaan sekarang ialah kejayaan terhadap langkah-langkah pemulihan yang diambil itu walaupun terdapat ramalan-ramalan seperti ekonomi negara akan runtuh.

"Hasil ini tidak boleh dipertikai kerana angka seperti rizab negara, perdagangan negara, pulangan ekonomi...tidak ada siapa boleh mempertikaikannya," katanya.

Beliau berkata, dunia kini mengakui kehebatan Malaysia menyelesaikan kegawatan ekonomi dengan cara sendiri tanpa bantuan asing.

Beberapa pemimpin dunia termasuk Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton dan Dana Kewangan Antarabangsa turut mengakui kehebatan Malaysia dan ini bukan pertama kali mereka menyatakannya, katanya.

Sehubungan itu Mustapa berkata, kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik langkah kawalan modal kerana jelas ia telah berjaya melindungi ekonomi negara termasuk berjaya mengukuhkan sistem bank dan sistem korporat.

Stiglitz ketika membentangkan Laporan Pembangunan Dunia (WDR) 2000 Bank Dunia di Washington Rabu lepas, berkata kesan buruk yang "diramal dan diharapkan berlaku di Malaysia" ekoran penganan kawalan modal dan kewangan tidak berlaku.

--BERNAMA

WM/BD AA